

Norazlina Abd Jalil

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Tuesday, 19 May, 2020 11:52 AM
To: norazlinaabdjalil@gmail.com
Subject: Fw: UUMKL Beri Taklimat Pendaftaran Pelajar Baharu Secara Online

Daripada: UUM CORPORATE COMM.
Dihantar: 10 Mei 2020 16:10
Kepada: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subjek: UUMKL Beri Taklimat Pendaftaran Pelajar Baharu Secara Online




UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

10 MEI 2020 / 17 RAMADAN 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nur Afiqah Abu Bakar
Gambar oleh: UUMKL

UUMKL BERI TAKLIMAT PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SECARA ONLINE



UUM ONLINE: Buat julung kalinya seramai 51 pelajar baharu yang menerima tawaran belajar dari UUMKL bagi semester DC193 telah diberikan taklimat pendaftaran secara atas talian (online) sepenuhnya, pagi tadi.

Antara program yang ditawarkan adalah Sarjana Pengurusan Sumber Manusia, Sarjana Sains (Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan), Sarjana Kewangan dan Perbankan Islam, Sarjana Sains (Teknologi Maklumat), Sarjana Sains (Komunikasi Kepengurusan), Sarjana Pengurusan Awam dan Sarjana Undang-undang.

Provos UUMKL, Prof. Dr. Shahimi Mohtar berkata, UUMKL sentiasa terbuka menerima cadangan penambahbaikan dan akan sentiasa bersedia memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar.

Menurutnya, UUMKL juga melihat kepentingan untuk mengadakan sesi pertemuan dan penerangan bersama pelajar walaupun secara atas talian.

Sesi pendaftaran secara *online* itu turut disertai Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak yang juga Profesor di UUMKL.

"Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sedang dalam usaha merangka pelan pendidikan yang bersesuaian dalam keadaan normal baharu sekarang.

"Pelajar juga perlu sentiasa memotivasikan diri dan cuba untuk *reskilling and upskilling* sebagai persediaan peningkatan kualiti pekerjaan selepas tamat pengajian nanti," katanya menerusi slot motivasi.

Turut diadakan sesi taklimat hal ehwal akademik, hal ehwal pelajar serta pelajar turut didedahkan dengan tatacara mengakses portal pelajar, prosedur pendaftaran kursus dan penggunaan khidmat perpustakaan secara atas talian.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.